

## SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

### 1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### 2. INSURANS

2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi Insurans selepas tempoh sah Nota-nota Perlindungan tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9 (d).

### 3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan-pelan, Butir-butir Kerja dalam Ringkasan Sebutharga, Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga dan Arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

### 4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

### 5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhakan apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

### 6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucer-baucer dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

## 7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja sengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

## 8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud itu adalah ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## 9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR.

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah;
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## 10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

## 11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

## 12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti arahan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantung pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/ Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

## 13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

**14. PERAKUAN SIAP KERJA**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

**15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

**16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

RINGKASAN SEBUTHARGA

BIL.	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
<b>1.0</b>	<b>PERMULAAN</b>				
1.1	Penyediaan untuk insuran-insuran yang diperlukan untuk melaksanakan kerja seperti berikut; a) Pampasan pekerja ( <i>Workmen compensation</i> ) b) Liabiliti awam ( <i>Public liability</i> )	Borong	-	-	
1.2	Pengambilan gambar-gambar kerja sebelum, semasa dan selepas kerja disiapkan sebanyak 2 salinan berwarna. Gambar tersebut dibukukan dalam bentuk laporan dan perlu diserahkan kepada jabatan.	Borong	-	-	
1.3	Penyediaan alat-alat keselamatan seperti papan tanda, pita keselamatan, kun dan sebagainya semasa menjalankan kerja.	Borong	-	-	
1.4	Peruntukan untuk memobilisasi jentera keluar / masuk, pekerja serta peralatan khas yang digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan.	Borong	-	-	
				<b>JUMLAH</b>	

BIL.	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
<b>2.0</b>	<b>MEROBOHKAN KOLAH AIR</b>				
2.1	Membekal pekerja, bahan dan peralatan bagi kerja-kerja merobohkan kolah konkrit yang berukuran 4.5m x 8.5m x 1.2m termasuk mengangkut keluar sisa binaan konkrit serta kerja-kerja yang berkaitan.	M3	25		
2.2	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja 12mm turapan simen dan pasir (1:3) atau skrid dilepa licin untuk menerima jubin lantai dan dinding yang baru serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	45		
2.3	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja memasang jubin lantai 300mm x 300mm x 8mm jubin homogenous jenis porselin penghalang gelincir termasuk purata ketebatan 12mm simen dari kelas terbaik serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	45		
<b>3.0</b>	<b>MENAIKTARAF RUANG SOLAT MUSLIMAT</b>				
3.1	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja mengikat bata 113mm tebal.	M2	8		
3.2	Simen lime plaster di atas permukaan baru.	M2	16		
3.3	Membekal dan memasang dinding pemisah dari kepingan <i>gypsum cemboard</i> untuk kedua-dua belah permukaan lengkap dengan kerangka alumium termasuk menyediakan ruangan bukaan bagi meletakkan cermin tingkap dan pintu kayu serta kerja yang berkaitan serta hendaklah mengikut spesifikasi pengeluar dan kelulusan Pegawai Penguasa.	M2	30		
3.4	Membekal dan memasang kepingan <i>gypsum cemboard</i> yang dipasangkan pada bingkai kayu sediaada yang dijadikan sebagai permukaan dinding termasuk kerja yang berkaitan serta hendaklah mengikut spesifikasi pengeluar dan kelulusan Pegawai Penguasa.	M2	80		
3.5	Membekal dan memasang tingkap kesmen jenis gelangсар dari jenis 6mm kaca jernih dengan lapisan kalis cahaya ( <i>tinted</i> ) termasuk membekal dan memasang bingkai tingkap dari jenis aluminium yang berukuran 1200mm x 1000mm termasuk kerja-kerja penyediaan laluan sorongan gelangсар dan kelengkapan pemasangan lain yang berkaitan. Kualiti hendaklah mengikut spesifikasi pengeluar dan kelulusan Pegawai Penguasa.	Tempat	2		
				<b>JUMLAH</b>	

BIL.	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
3.6	Membekal dan memasang pintu kayu yang berukuran 914mm x 2134mm dengan 'nyatoh panel' lengkap bingkai pintu kayu termasuk kelengkapan alat kunci (tombol kunci) serta kerja-kerja yang berkaitan. Kualiti hendaklah mengikut spesifikasi pengeluar dan kelulusan Pegawai Penguasa.	No.	2		
3.7	Membekal bahan, pekerja dan peralatan untuk kerja-kerja memasang 200mm lebar x 20mm tebal papan dari papan tanggam temu yang telah diketam kedua-dua belah muka dan pinggir dari jenis kayu SG.1 & SG.2 serta kerja-kerja berkaitan.	M2	5		
3.8	Membekal bahan, pekerja dan peralatan untuk kerja-kerja mendirikan tiang konkrit bertetulang 100mm x 100mm dengan ketinggian 2500mm yang baru termasuk kerja-kerja yang berkaitan seperti papan kotak bentuk.	No.	1		
<b>4.0</b>	<b>TEMPAT WUDHUK MUSLIMAT</b>				
4.1	Membekal pekerja, bahan dan peralatan bagi kerja-kerja merobohkan dinding konkrit yang berukuran 4.5m x 8.5m x 1.2m termasuk mengangkut keluar sisa binaan konkrit serta kerja-kerja yang berkaitan.	M3	2		
4.2	Membekal pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja memecah permukaan jubin lantai sediaada serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	15		
4.3	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja mengikat bata tanah liat muka 113mm tebal untuk membuat tempat wudhuk serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	6		
4.4	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja 12mm turapan simen dan pasir (1:3) atau skrid dilepa licin untuk menerima jubin lantai dan dinding yang baru serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	15		
4.5	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja memasang jubin dinding 300mm x 300mm x 6mm dari kelas terbaik serta kelulusan mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	5		
				<b>JUMLAH</b>	



BIL.	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
4.6	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja memasang jubin lantai 300mm x 300mm x 8mm jubin homogenous jenis porselin penghalang gelincir termasuk purata ketebatan 12mm simen dari kelas terbaik serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	12		
4.7	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja memasang sistem paip air dalaman untuk tempat wudhuk wanita dari jenis paip PVC dengan bahan yang diluluskan SIRIM serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa. Bahan-bahan yang digunakan seperti berikut :-	Borong	-	-	
a.	32mm diameter dalam paip air jenis keluli sederhana tergalvani kelas "C" pada BS 1387 dipasang pada dinding atau ruang bumbung termasuk kupling lurus.	M	-	-	-
b.	25mm diameter dalam paip kelas PN12 dari jenis PVC yang dipasang pada dinding atau ruang bumbung termasuk kupling lurus.	M	-	-	-
c.	32mm Tee mengecil jenis PVC.	No.	-	-	-
d.	32mm Soket mengecil jenis PVC.	No.	-	-	-
e.	25mm diameter dalam liku 90 darjah dari jenis PVC.	No.	-	-	-
f.	20mm diameter dalam liku 90 darjah dari jenis PVC.	No.	-	-	-
g.	25mm diameter dalam siku dari jenis PVC.	No.	-	-	-
h.	20mm diameter dalam siku dari jenis PVC.	No.	-	-	-
i.	25mm diameter dalam tee penyamaan dari jenis PVC.	No.	-	-	-
j.	20mm diameter dalam tee penyamaan dari jenis PVC.	No.	-	-	-
k.	25mm diameter dalam tee pengecil dari jenis PVC.	No.	-	-	-
l.	20mm diameter dalam tee pengecil dari jenis PVC.	No.	-	-	-
m.	25mm diameter dalam soket dari jenis PVC.	No.	-	-	-
n.	20mm diameter dalam soket dari jenis PVC.	No.	-	-	-
o.	25mm diameter dalam soket mengecil dari jenis PVC.	No.	-	-	-
p.	20mm diameter dalam soket mengecil dari jenis PVC.	No.	-	-	-
q.	15mm diameter dalam stop cork dari jenis brass.	No.	-	-	-
4.8	Membekal dan memasang 12mm kepala paip berbibir (bib tap) bersadur krom dipasang paip PVC untuk tempat wudhuk.	No.	6		
4.9	Membekal bahan dan memasang 500mm x 500mm cermin muka.	No.	1		
				<b>JUMLAH</b>	



BIL.	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
4.10	Membekal bahan, pekerja dan peralatan untuk kerja-kerja memasang 200mm lebar x 20mm tebal papan dari papan tanggam temu yang telah diketam kedua-dua belah muka dan pinggir dari jenis kayu SG.1 & SG.2 serta kerja-kerja berkaitan.	M2	5		
<b>5.0</b>	<b>LALUAN PINTU MASUK MUSLIMIN</b>				
5.1	Membekal pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja memecah permukaan jubin lantai sediaada serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	3		
5.2	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja mengikat bata tanah liat muka 225mm tebal untuk membuat anak tangga serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	2.5		
5.3	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja 12mm turapan simen dan pasir (1:3) atau skrid dilepa licin untuk menerima jubin lantai yang baru serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	3		
5.4	Membekal bahan, pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja memasang jubin lantai 300mm x 300mm x 8mm jubin homogenous jenis porselin penghalang gelincir termasuk purata ketebatan 12mm simen dari kelas terbaik serta mematuhi sepenuhnya arahan Pegawai Penguasa.	M2	3		
5.5	Membekal pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja menanggalkan cermin kaca lengkap dengan bingkai aluminium ( <i>fix glass</i> ) berukuran 3.5m x 1.2m, papan dinding kayu berukuran 3.5m x 1.2m termasuk merobohkan dinding bata ikatan 113mm yang berukuran 3.5m x 1m (2 tempat) serta kerja-kerja mengangkut keluar dari tapak.	Borong	-	-	
5.6	Membekal dan memasang pintu kaca jenis gelangar empat (4) daun yang berukuran 3500mm x 2200mm setiap daun dengan ketebalan 8mm kaca dengan lapisan kalis cahaya ( <i>tinted</i> ) beserta 1.0mm tebal bingkai aluminium ( <i>fix</i> di kanan dan kiri serta gelangar di tengah) termasuk kerja-kerja penyediaan laluan sorongan gelangar dan kelengkapan pemasangan lain yang berkaitan.	Borong	-	-	
				<b>JUMLAH</b>	

BIL	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
<b>6.0</b>	<b>KERJA CAT</b>				
6.1	Mengecat 2 lapisan cat emulsion bahan terbaik dan dari jenama JOTUN atau setaraf dengannya di semua permukaan siling kayu dan siling berlepa.	M2	150		
6.2	Mengecat 2 lapisan cat arklirik berasaskan minyak dari bahan terbaik dari jenama JOTUN atau setaraf dengannya di semua permukaan permukaan kayu dan besi seperti papan dinding, dinding sesekat serta permukaan yang berkaitan.	M2	300		
<b>7.0</b>	<b>PENDAWAIAN ELEKTRIK</b>				
7.1	Mata lampu l/d suis kutub tunggal terlitup logam 10A menggunakan kabel 2 x 1.5mm persegi l/d kabel perlindungan dalam PVC konduit.	No.	3		
7.2	Membekal dan memasang lengkapan lampu pendarflour 1 x 36W	No.	6		
7.3	Mata kipas siling l/d suis kutub tunggal 10A dan cangkuk penggantung menggunakan kabel 2 x 1.5mm persegi l/d kabel perlindungan dalam PVC konduit.	No.	2		
7.4	Membekal dan memasang kipas siling saiz 1524mm (60") g.p. l/d pengatur, rod gantung, ciri-ciri pemutus penyambung bekalan dan alat-alat lengkap yang diperlukan.	No.	2		
<b>8.0</b>	<b>KERJA PEMBERSIHAN</b>				
8.1	Menyediakan pekerja dan peralatan bagi kerja-kerja membersih, mengangkut keluar dan membuang segala sisa binaan setelah kerja-kerja siap dijalankan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	Borong	-	-	
				<b>JUMLAH</b>	